



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

## **KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Pembinaan WCE Cuma siap 66.51 peratus
MUKA SURAT	14



Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat babit keseluruhan jajaran 233 kilometer.  
(Foto hiasan)

# Pembinaan WCE cuma siap 66.51 peratus m/s-14

**Status** kemajuan pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) setakat 25 Jun lalu adalah pada kadar 66.51 peratus.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Eddin Syazlee Shith, berkata pembukaan seterusnya bagi WCE yang merentasi Perak dan Selangor akan dilakukan pada pertengahan Ogos tahun depan, membabitkan jajaran Seksyen 11 lebuhraya berkenaan.

"Ia mencakupi jajaran dari Persimpangan Bertingkat Beruas ke Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Teh Kok Lim (DAP-Taiping) mengenai status terkini dan jangkaan tarikh siap WCE.

Kepada soalan tambahan Kok Lim berhubung langkah kerajaan untuk memastikan WCE siap mengikut tempoh lanjutan ditetapkan, Eddin mengakui projek le-

buh raya dengan keseluruhan jajaran sepanjang 233 kilometer itu berdepan kelewatan, susulan beberapa faktor:

"Kita ambil contoh pembinaan dari Beruas ke Taiping Selatan sepatutnya jika mengikut jadual, siap pada tahap 54 peratus, tetapi perangkaan semasa menunjukkan ia hanya berada pada tahap 33 peratus.

"Kita jangkakan pakej seksyen ini akan siap pada Ogos 2021. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memantau untuk memastikan kontraktor mematuhi jadual ditetapkan.

"Ia termasuk memberi notis amaran supaya perkara sama tidak berulang, namun kita harus mengambil kira faktor semasa dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan memberikan tambahan masa sama ada minimum 84 hari atau maksimum 114 hari," katanya.





## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Tenagakan orang muda
MUKA SURAT	23

Oleh Sri Ayu Kartika  
Amri  
kartika@hmetro.com.my

### Subang Jaya

Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan November depan memberi tumpuan kepada memperkasakan keusahawanan dan pendidikan terutama terhadap golongan belia.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, beliau yakin dengan memperkukuh golongan muda, mereka boleh memanfaatkan teknologi canggih dan digitalisasi, seterusnya menghasilkan penyelesaian inovatif untuk menangani cabaran sejagat serta mencapai matlamat pembangunan mapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, kerajaan juga menyedari bahawa belia memerlukan sokongan dari segi pendidikan serta ekonomi yang dapat memberi mereka peluang untuk berdikari serta berjaya.

"Untuk itu, kerajaan memainkan peranan penting bagi membolehkan belia menyedari potensi penuh mereka yang juga pemimpin masa depan negara," katanya di sesi dialog Selangor *Youths Have A Say!* Budget 2021 di sini, semalam.

Hadir sama, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Sesi dialog itu membincangkan mengenai isu belia membabitkan pembangunan dan pekerjaan di Selangor serta menyediakan



TENGGU Amir Shah dan Tengku Zafrul pada sesi dialog Selangor *Youths Have A Say!* Budget 2021, semalam.

*Belanjawan 2021  
tumpu keusahawanan,  
pendidikan golongan belia*

# TENAGAKAN ORANG MUDA

# Bisnes

ruang pandangan daripada peserta yang berhadapan cabaran dalam tempoh sukar ketika ini.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, berikutan peningkatan angka pengangguran, kerajaan memperun-

tukkan RM2 bilion bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja Malaysia.

"Setakat ini, kerajaan sudah memanfaatkan RM500 juta. Yang penting bagi kami sekarang adalah hasil akhir-

nya," katanya.

Kadar pengangguran meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei lalu daripada 5.0 peratus pada April lalu, sementara jumlah pengangguran meningkat 47,300 kepada 826,100 individu, me-

M/S-23

nurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bagaimanapun, jabatan itu menyatakan bahawa selepas pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur, lebih banyak rakyat Malaysia kembali be-

kerja kecuali untuk sektor tertentu seperti perkhidmatan dan pelancongan yang tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh berikutan sekatan dan penutupan sempadan antara bangsa.



## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Kelestarian Paya Bakau
MUKA SURAT	34, 35

### FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

Sempena sambutan Hari Paya Bakau Sedunia yang diraikan 26 Julai lalu dalam meningkatkan kesedaran umum mengenai kepentingan ekosistem hutan itu terhadap keseimbangan iklim dunia selain memastikan menjaga kelangsungan kelestarian hutan itu.

Antara peranan penting boleh difahami mengenai paya bakau selaku 'benteng' kepada hakisan ombak, ribut dan banjir selain memberi malar hijau kepada kawasan pantai atau muara sungai yang terbuka.

Melihat kepada aspek berkenaan tidak hairanlah ia mempunyai tarikan ekopelancongan apabila mempunyai landskap semula jadi cukup eksentrik

selain atmosfera yang 'redup' mata memandang.

Disebabkan elemen itu, Projek Selangor Maritime Gateway (SMG) menyasarkan pembangunan infrastruktur di enam zon termasuk Mangrove Point

atau Pusat Paya Bakau yang mempunyai keluasan sekitar 70.76 ekar.

Menariknya sebagai tarikan mesti dilawati penduduk sekitar Kuala Lumpur dan Selangor melihat secara dekat impak menerusi projek

pembangunan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha memulihara dan membersihkan kawasan sekitar Sungai Klang.

Dalam usaha memperkenalkan Mangrove Point sebagai destinasi

# KELESTARIAN PAYA BAKAU

## Mangrove Point diperkenalkan sebagai destinasi ekopelancongan baharu yang bakal menjadi tarikan

baharu ekopelancongan pastinya peminat alam semula jadi teruja dengan perkembangan pembinaan pusat informasi dan juga pembelajaran dijangka siap pada 2021.

Menurut Perunding Landskap bagi Mangrove Point Profesor Madya Dr Shureen Faris Abdul Shukor berkata, destinasi itu dijangka satu fenomena berikutan dual konsep diterapkan pada objektif rekaan landskap mahupun infrastrukturnya.

Ideanya ialah memperkenalkan kawasan itu sebagai ekopelancongan dan pelancongan kesihatan apabila dibuka kepada umum kelak.

"Dijangka apabila ia siap sepenuhnya pada 2021, lokasi ini bukan sahaja menarik peminat alam semula jadi tetapi turut menarik pengamal rehabilitasi untuk



Dijangka apabila ia siap sepenuhnya pada 2021, lokasi ini bukan sahaja menarik peminat alam semula jadi tetapi turut menarik pengamal rehabilitasi untuk menjadikan ia sebagai tempat terapi buat golongan tertentu

## DR SHUREEN FARIS

menjadikan ia sebagai tempat terapi buat golongan tertentu.

"Kalau dilihat kepentingan hutan paya yang memiliki rona hijau memberi aura menenangkan dilihat memenuhi naluri manusia yang cintakan alam sekitar.

"Sekurang-kurangnya pengunjung normal dapat merehatkan diri, ia boleh dimanfaatkan golongan tertentu seperti pesakit supaya dapat menjalani terapi di lokasi terabit. Ia berdasarkan interaksi positif dimanfaatkan daripada hubungan

**ILUSTRASI** mengenai suasana laluan pejalan kaki yang akan memberi peluang kepada pengunjung mengelilingi hutan paya.



antara alam dan manusia," katanya.

Tambah Dr Shureen, kalau dilihat rekaan termasuk pembinaan struktur dan fasiliti, beberapa aspek diperincikan berikutan hasil kajian beberapa lokasi popular tarikan paya bakau yang ada baik dalam mahupun luar negara.

"Mengetahui perincian yang berbeza dengan mana-mana pusat kajian atau pelancongan membabitkan paya bakau, aspek yakni penggunaan material bagi struktur diteliti terutama di laluan pejalan kaki

menghubungkan semua titik semak ('checkpoint') yang ada. Saya mahu ia bersifat tahan lasak dan mesra komuniti berdasarkan kumpulan sasaran yang akan menggunakan fasiliti di sini.

"Wujudkan suasana terapeutik apabila laluan pejalan dibina ada interaksi dengan hutan selain segenap ruang dioptimum apabila setiap 200 meter memiliki tempat rehat dan santai," katanya.

Pada awalnya pihaknya menimbang untuk penggunaan spesies bunga-bunga dari hutan

berlainan untuk suntikan elemen kemeriahan di kawasan tumpuan di pusat maklumat, akhirnya hanya memilih spesies paya bakau sahaja kekal di kawasan itu bagi mengekalkan biodiversiti asalnya.

Dalam pada itu terdapat seksyen tertentu diperkenalkan dalam menggalakkan interaksi komuniti dengan Mangrove Point apabila ada pembinaan dek berkelah, pelantar memancing dan menara meninjau burung di lokasi sama.

Sementara itu wakil dari Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) Seema Surinder berkata, selain laluan darat, pengunjung pusat ekopelancongan itu boleh menyusuri teksi air dari jeti Pangkalan Batu Urban Park.


"Menariknya pengunjung yang datang bersama keluarga terutama anak kecil akan mengalami pengalaman menarik dengan memilih laluan air sejauh 15 kilometer untuk sampai ke Mangrove Point selain memandu.

"Fokus LLSB yang turut berkolaborasi dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berharap pusat pelancongan ini dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar terutama kebersihan sungai yang menjadi titik permulaan projek SMG ini," katanya.

**PEMBINAAN** infrastruktur itu membantu perkembangan pemeliharaan paya bakau di muara Sungai Klang.



**PENCINTA** mergastua boleh meninjau dari dek dibina khusus untuk aktiviti berkenaan.



**LOKASI** rekreasi baharu yang boleh dimanfaatkan komuniti sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.



**KETIKA** proses kajian sebelum pembinaan dilakukan drboris dan renjer hutan.



**TEKSI** air dari Pangkalan Batu Urban Park.



**DEK** memancing memberi peluang kaki pancing memenuhi hobi mereka.



**PUSAT** informasi mempunyai pelbagai fungsi termasuk ruang terapi.



**TARIKAN** baharu hutan bakau apabila lengkap dibina dijangka pada 2021.



## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Nasib gergasi merah
MUKA SURAT	40

**NASIB GERGASI MERAH**

Juara Piala Malaysia 33 kali, Selangor mungkin terpaksa melupakan impian beraksi di gelanggang keramat Stadium Shah Alam sekurang-kurangnya dua tahun.

Ia berikutan kerja-kerja baik pulih di stadium yang mempunyai kapasiti 80,000 itu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022.

"Kami sangat berharap penyokong dapat memahami proses jangka masa panjang ini bagi pihak kerajaan negeri dan DEFM Sdn Bhd bagi memastikan kerja baik pulih Stadium Shah Alam tidak akan menimbulkan isu lagi sebaik dibuka kembali," kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Kali terakhir Selangor menggunakan Stadium Shah Alam ketika menentang Bangkok United dalam aksi pramusim Piala Cabaran Asia 2020 pada Januari lalu.

AMIRUDIN

m/s - 40



## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Dua tahun kerja baik pulih
MUKA SURAT	39

# Dua tahun kerja baik pulih

m/s-39

Oleh MOHD. FARIQ

FOTO: [HTTPS://DEFM.COM.MY](https://defm.com.my)

**M**enteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menjangkakan kerja baik pulih Stadium Shah Alam mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun sebelum venue berkenaan dibenarkan kembali beroperasi.

Menurutnya, kerajaan negeri Selangor telah memberikan kebenaran kepada pihak pengurusan Stadium Shah Alam iaitu Darul Ehsan Facilities Management (DEFM) Sdn Bhd bagi memulakan kerja baik pulih venue itu sejak Mac lalu.

Bagaimanapun, Amirudin memberitahu, perancangan pelaksanaan proses baik pulih secara teliti Stadium Shah Alam tergendala disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

“Malah, perancangan awal baik pulih Stadium Shah Alam seawal Mac lalu juga sedikit terjejas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ia hanya dapat bermula (proses baik pulih) sedikit masa lagi.

“Kerja-kerja baik pulih akan membawa kepada penutupan Stadium Shah Alam selama dua tahun iaitu sehingga 2022. Namun, ia bergantung kepada pakej baik pulih yang dipersetujui sama ada melibatkan kerosakan kritikal ataupun baik pulih keseluruhan bagi memastikan stadium berada pada tahap maksimum.

“Kerajaan negeri dan DEFM Sdn Bhd akan berusaha keras bagi memastikan mercu tanda sukan di Selangor ini men-



Stadium Shah Alam gelanggang keramat *The Red Giants*.

dapat pembelaan sewajarnya, apatah lagi Stadium Shah Alam menjadi gelanggang keramat *The Red Giants*,” katanya eksklusif kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) tidak membenarkan Selangor beraksi di Stadium Shah Alam bagi saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim ini ekoran kerosakan teruk di bahagian bumbung stadium berkenaan.

Kali terakhir Stadium Shah Alam ditutup dalam tempoh lama adalah pada Disember 2015 hingga Mei 2016 ketika proses baik pulih dengan menanam rumput jenis *cow-grass* selain penambahan sistem pencahayaan lampu limpah daripada 1,200 lux kepada 2,000 lux.

Mengulas lanjut, Amirudin mengakui kerajaan negeri Selangor memahami rintihan penyokong bola sepak Selangor dengan pengumuman berkenaan tempoh jangka masa panjang proses baik pulih Stadium Shah Alam.

Namun, beliau berharap penyokong Gergasi Merah dapat bersabar dalam misi memastikan Stadium Shah Alam dapat kembali beroperasi sedia kala tanpa menimbulkan sebarang masalah.

“Kami sangat berharap penyokong dapat memahami proses jangka masa panjang ini bagi pihak kerajaan negeri dan DEFM Sdn Bhd bagi memastikan kerja baik pulih Stadium Shah Alam tidak akan menimbulkan isu lagi sebaik dibuka kembali,” jelasnya.



## KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR - Starmetro
TAJUK BERITA	Starmetro watch
MUKA SURAT	m/s 2



### m/s-2 Starmetro watch

#### TRAFFIC MATTERS

> Persiaran Sultan and Bulatan Setia Jasa in Shah Alam will be partially closed from 8.30am to 11am today for the 'Kibar Jalur Gemilang Peringkat MBSA 2020' event by Shah Alam City Council. Motorists are advised to use alternative routes during that period. For details, call 03-5522 2734.

> There will be round-the-clock lane closure in stages along Jalan Ipoh (Kepong-bound) from Complex Cantonment Exchange until the traffic-light junction of Jalan Gunung Semanggol until Sept 30. Two lanes will be made available at all times for motorists heading towards Kepong during the closure.

> There will be a left-lane closure along Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-bound) in front of Sang Suria Condominium and The Maple Condominium until Aug 24, from 9am to 4.30pm. One lane will be made available at all times for motorists heading to Kuala Lumpur during the closure. For details, 1-800-82-6868 (MRT hotline).

#### MOBILE COUNTER

Petaling Jaya City Council will be setting up its EZ-Pay mobile counters for tax and compound payments on weekends, from 10am to 3pm.

Counters will be located at Jalan SD 12/1, Bandar Sri Damansara from Aug 8 to 9, Jalan SD 2/1G, Bandar Sri Damansara (near STH Auto Services Centre) from Aug 15 to 16, SS24 Taman Megah (near morning market) from Aug 22 to 23 and SS6 Kelana Jaya (in front of old Giant hypermart) from Aug 29 to 30. For details, call 03-7956 3544 ext 101/ 103/ 104.

#### STALLS FOR RENT

Ampang Jaya Municipal Council is offering stalls for rent at selected food courts, markets and shops under the municipality. Applicants (including couples) are allowed to submit one application only. Forms can be downloaded from [www.mpaj.gov.my](http://www.mpaj.gov.my) or obtained at the Department of Valuation and Property Management counter at MPAJ's office lobby. Submission deadline is Aug 7 at 5pm. For details, call 03-4285 7379/ 7013.





# KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR – Starmetro
TAJUK BERITA	Documentation issues delay Kuala Selangor's elevation to municipality
MUKA SURAT	m/s 3

## Documentation issues delay Kuala Selangor's elevation to municipality

m/s -3

By BRENDA CH'NG  
brenda@thestar.com.my

Starmetro

A FEW incomplete documents stand in the way of the Kuala Selangor District Council (MDKS) becoming a municipal council.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said MDKS had sent in its application to be elevated to a municipality but a few items were incomplete.

"We have seen MDKS' application but there were a few items which needed to be rectified and resubmitted before it goes to the Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT) ministry for approval," he said after launching the Bandar Malawati Special Area Draft Plans (RKK) 2025 at Dataran Malawati in Kuala Selangor.

He added that the ministry would decide whether MDKS could be upgraded to a municipality.

Amirudin said this would depend on how fast MDKS could resubmit its documents to the state.

"There are a lot of things which need to be looked into - like the population, revenue, income and so on to become a municipal council," he said.

At the launch, Amirudin said the short-term draft plan focused mostly on tourism, the local economy and sustainable development in the area.

"This is just a small area of about 809ha with a population of about 3,000 people.

"The changes made to the draft plan is aimed at adding value to Kuala Selangor, improve the quality of life there and also to preserve heritage and boost tourism," he said.

Amirudin further said there were valuable historical landmarks there, like the lighthouse and firefly sanctuary which needed to be preserved well.

In fact, Bukit Malawati itself has been declared a National Heritage Site in Oct 2018 by the National Heritage Department.

"There is so much history in Bukit Malawati and that is why the



(Above and below) The Bandar Malawati Special Area Draft Plans 2025 focuses on preserving historical landmarks and heritage sites in addition to boosting tourism in Kuala Selangor.



RKK is done - to focus on planning the area's history and heritage," he said.

MDKS president Rahilah Rahmat, who was present at the event, urged residents and stakeholders in Bandar Malawati to participate in this publicity exercise and put in their feedback, proposals and objections.

"This whole process is done to ensure the views and opinion of the people are prioritised.

"For this RKK, we have about 52 project proposals which can be

viewed by residents during this publicity period," she said.

Rahilah added that Kuala Selangor was one of the eco-tourism clusters, named by the state and that they were finding ways to increase tourism and boost the local economy there.

In 2019, there was a 30% increase in tourism in the district.

Those who wish to submit their feedback can do so either via the MDKS website or by downloading the RKKBMKS app via Google Play on mobile phones until Sept 8.

<b>AKHBAR</b>	<b>THE STAR - Starmetro</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	Hot and bothered over lack of air-conditioning
<b>MUKA SURAT</b>	m/s 4

4 News

STARMETRO, THURSDAY 6 AUGUST 2020



Syed Mohd says residents are baffled why the air-conditioners have been installed when the wiring system cannot support their use.

Users of Dewan Komuniti BU3 at Tingkat Bandar Utama in Petaling Jaya have been unable to enjoy air-conditioning.

By SHEILA SRI PRIYA  
sheilasriprya@thestar.com.my

EIGHT air-conditioning units worth about RM250,000 at a community hall in Bandar Utama, Petaling Jaya have been lying idle since late 2018.

The units only functioned for a month after being installed.

The BU3 Community Hall at Tingkat Bandar Utama in Petaling Jaya, a popular venue for events such as weddings and exhibitions, is about 20 years old.

It also houses badminton courts.

Bandar Utama Residents Association chairman Syed Mohd Taufik Syed Abu Bakar said the units could not be used within a month of being installed in late 2018.

"We have been asking Petaling Jaya City Council (MBPJ) to rectify the problem since then.

"I was made to understand that the wiring system in the hall does not support the new air-conditioners.

"Hence, the eight units cannot be used. This has deprived users of air-conditioning," he said.

"I would have thought that when the pro-

# Hot and bothered over lack of air-conditioning

m/s-4  
Starmetro

## Bandar Utama hall units incompatible with old wiring system

ject was tendered, MBPJ's Engineering Department would have thoroughly checked the specifications.

"The city council has erected dozens of community halls with bigger air-conditioning systems, so it baffles us as to how this basic requirement was overlooked here," he said.

Syed Mohd claimed there were flaws in the tender process for the installation.

"We were made to understand that the budget did not include wiring costs. As such, the sum was only partially provided.

"It is preposterous that MBPJ has to allocate a separate budget for wiring," he said.

Syed Mohd said residents were told that the hall did not have sufficient power supply to support the air-conditioning units.

"This issue should seriously be scrutinised by the state and any weaknesses should be identified and rectified," he added.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar said the air-conditioners were in working order but the wiring system could not support their use.

He said the budget provided for the air-conditioners did not cover the wiring upgrade.

"We are aware of the problem and have initially planned to call for tender in March. However, we had to postpone it due to the Covid-19 movement order control."

Sayuthi confirmed that MBPJ would open the tender for the wiring project this month.

"Several other halls in Petaling Jaya have this old wiring system problem.

"We are looking into addressing this issue," he said.



# KERATAN AKHBAR 6 OGOS 2020 (KHAMIS)



<b>AKHBAR</b>	<b>THE STAR - Starmetro</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	Beware of fake info on trading lots at Cheras market
<b>MUKA SURAT</b>	m/s 4

## Beware of fake info on trading lots at Cheras market



Roadside market traders at two spots are supposed to move into Pasar Mahkota Sentral by March 1.

By **JAROD LIM**  
jarodlim@thestar.com.my

MARKET traders are urged not to fall for a scam promising trading lots at Pasar Mahkota Sentral, Cheras.

A social media post stated that interested applicants wanting to get a lot at the new market would only need to submit their personal details to secure an interview with Kajang Municipal Council (MPKJ) and pay RM300 upon succeeding.

MPKJ councillor Lim Kim Eng said she found out about the post on Aug 2 and

checked with Pasar Mahkota Sentral's management company, MALC Management Sdn Bhd, and MPKJ.

"I thought it was an agent appointed by the management company but that was not the case.

"The council also confirmed that they did not make such an offer to applicants," she said during a press conference at Pasar Mahkota Sentral.

The market was built to relocate roadside traders from Section 8 of Bandar Mahkota Cheras and Sungai Long, Cheras, after nearby residents complained about traffic congestion



Lim (left) and Ang showing the police report about the online scam during the press conference at Pasar Mahkota Sentral, Cheras.

and poor hygiene.

There are about 120 lots available at the three-storey building which have been allocated to existing licensed traders from the two locations.

"So far, 31 roadside traders have undergone an interview and will move here.

"There will be another round of interviews for these roadside traders and they have to

move here before March 1 next year or risk having their stalls confiscated.

"Some still do not want to move and if there are still available lots in the building, we will open it for other market traders," said Lim.

A representative from the management company, Michael Ang, made a police report on Aug 3 at Kajang police station regarding the scam.

m/s-4 Starmetro